

# Pertandingan akhir MySkill bermula

SHAH ALAM 6 Julai - Seramai 96 peserta berentap untuk merebut kejuaraan dalam Pertandingan MySkill 2011 yang bermula hari ini sehingga Sabtu ini.

Peserta peringkat akhir itu akan bertanding dalam 15 bidang kemahiran antaranya kimpalan, elektronik, teknologi fesyen, teknologi automobil dan teknologi rekaan grafik.

Turut bertanding ialah 183 peserta peringkat akhir Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) 2011 yang melibatkan 26 bidang kemahiran.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam berkata, pertandingan tersebut berlangsung di

Ciast, Akademi Binaan Malaysia Cawangan Tengah, Universiti Putra Malaysia, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Pulau Pinang dan Pusat Perkembangan Kemahiran Industri Kaya (Wisdec), Kuala Langat dekat sini.

Beliau berkata, pemenang setiap pertandingan berpeluang mewakili negara ke pertandingan ASEAN Skill Competition 2012 di Jakarta, Indonesia dan seterusnya World Skill Competition (WSC) 2013 di Leipzig, Jerman.

"Buat masa ini, negara sedang membuat persiapan untuk menyertai WSC 2011 di London yang akan berlangsung pada 5 hingga 8 Oktober ini.

"Malaysia akan mengambil bahagian dalam 10 daripada 43 bidang kemahiran yang dipertandingkan antaranya kimpalan, memasak, terapi kecantikan dan teknologi automotif," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Kemahiran Malaysia 2011 di Auditorium Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (Ciast) di sini semalam.

Selain dua pertandingan yang dijalankan sempena Bulan Kemahiran Malaysia pada bulan ini, beberapa aktiviti lain seperti Pameran Autoshow Proton Berhad, seminar dan ceramah berkaitan akan diadakan.



S. SUBRAMANIAM (dua dari kanan) bertanyakan sesuatu kepada salah seorang peserta pertandingan melukis batik sempena Pertandingan MySkill 2011 selepas merasmikan pertandingan tersebut di Shah Alam, kelmarin.